UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

# *PERSEPSI TERHADAP GAYA KEPIMPINAN JURULATIH YANG DIGEMARI DENGAN GAYA KEPIMPINAN SEBENAR DALAM KALANGAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 18 TAHUN, ALOR GAJAH, MELAKA.*

*G. JAYA KUMARAN A/L GOVINDAN*

FPP 2010 38

# PERSEPSI TERHADAP GAYA KEPIMPINAN JURULATIH YANG DIGEMARI DENGAN GAYA KEPIMPINAN SEBENAR DALAM KALANGAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 18 TAHUN, ALOR GAJAH, MELAKA.

**Oleh**

**G. JAYA KUMARAN A/L GOVINDAN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Mei 2010**

© COPYRIGHT UPM

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

# PERSEPSI TERHADAP GAYA KEPIMPINAN JURULATIH YANG DIGEMARI DENGAN GAYA KEPIMPINAN SEBENAR DALAM KALANGAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 18 TAHUN, ALOR GAJAH, MELAKA

Oleh

**G. JAYA KUMARAN A/L GOVINDAN**

**Mei 2010**

**Pengerusi: Profesor Madya Soh Kim Geok, PhD**
**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih bola sepak sekolah yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar. Kajian ini melibatkan semua pemain, iaitu seramai 190 pemain bola sepak pasukan sekolah yang berumur di bawah 18 tahun yang telah menyertai Pertandingan Bola Sepak Antara Zon Peringkat Daerah Alor Gajah 2014. Instrumen *Leadership Scale for Sports* (LSS) oleh Chelladurai & Saleh (1980) dalam bentuk soal selidik telah digunakan untuk menggumpul data. Soal selidik ini terdiri daripada 40 item yang telah diedarkan kepada pemain bola sepak. Data telah dianalisis secara kuantitatif dan diperihalkan dalam bentuk peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t dan ANOVA. Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya kepimpinan yang paling digemari oleh atlet ialah tingkah laku latihan dan arahan (min=3.29), dan tingkah laku demokratik (min=3.20) manakala, dimensi tingkah laku autokratik adalah gaya kepimpinan yang paling tidak digemari (min=2.97). Gaya kepimpinan sebenar jurulatih ialah tingkah laku latihan dan arahan (min=4.49), diikuti dengan tingkah laku demokratik, maklum balas positif, sokongan sosial, dan tingkah laku autokratik. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua dimensi tingkahlaku jurulatih yang digemari dan sebenar kecuali tingkah laku autokratik. Seterusnya Ujian ANOVA perbandingan tingkah laku jurulatih yang digemari oleh atlet mengikut posisi pemain bahagian pertahanan, tengah dan serangan, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam semua dimensi. Bagi perbandingan tingkah laku sebenar jurulatih mengikut posisi pemain, ujian ANOVA juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk semua dimensi.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of requirement for the Degree of Master of Science

**PERCEPTION TOWARDS COACHES PREFERRED AND ACTUAL LEADERSHIP BEHAVIOUR AMONG UNDER 18 ALOR GAJAH FOOTBALL PLAYERS**

By

**G. JAYA KUMARAN A/L GOVINDAN**

**May 2010**

**Chairperson: Associate Professor Soh Kim Geok, PhD**
**Faculty: Educational Studies**

The main purpose of this study was to identify the most preferred and the actual leadership behaviour of the school football team coaches' by the athletes. One hundred and ninety school team under 18 players who were playing for the Inter- Zone Alor Gajah District 2014, took part in this study. Leadership Scale for Sports (LSS) questionnaire developed by Chelladurai & Saleh (1980) was used. There are 40 questionnaire which have been translated from English Language to Bahasa Malaysia was used. The Data was analysed using descriptive statistics to identify the percentage, mean, standard deviation, t-test and ANOVA. The results of this study suggests that the most preferred leadership behaviours by the athletes is training and instruction (min=3.29) and followed by the democratic (min=3.20) . Whereas the autocratic behaviour (min 2.97) were found to be least preferred. The actual leadership behaviours of the coaches show that the dominant behaviours are training and instruction (min 4.49) followed by democratic behaviour, social support and autocratic behaviour. The least dominant behaviour is autocratic behaviour. There were significant differences between preferred and actual leadership behaviour in training and instruction. The result also showed that there were significant diferrence between athletes preferred autocratic and actual autocratic behaviour. ANOVA test reveal that there were no significant difference in comparing preferred and actual leadership behaviour between players who are playing in different position like defence, midfield or forward.

© COPYRIGHT UPM

# PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan ke atas rahmat dan pertolongan yang dibekalkan kepada saya semasa melaksanakan dan menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Soh Kim Geok selaku penyelia penyelidikan ini yang begitu sabar dan gigih dalam memberi tunjuk ajar, galakkan dan bimbingan sehingga kajian ini dapat berjalan dengan lancar dan berjaya disiapkan.
Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah dan arwah En. Marjohan Jamalis yang sentiasa memberi panduan dan nasihat dalam menjayakan projek ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada :

1. Semua pegawai-pegawai, jurulatih-jurulatih serta pemain-pemain yang terlibat dalam Liga Bolasepak MSSM Kawasan Alor Gajah, Melaka pada tahun 2014.
2. En. Supramaniam Arjunan, tutor (Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka) yang telah banyak memberi dorongan serta ilham penulisan ini.

Ucapan teristimewa juga ditujukan kepada isteri saya, Pn. Sugandhi Raghavan yang telah banyak memberi perangsang, dorongan, nasihat dan tunjuk ajar serta sabar, yang membolehkan saya menjalankan kajian dengan sempurna Bagi putera-putri tersayang saya Vineetha dan Viroshnnan, terima kasih di atas kesabaran dan kefahaman dalam menyiapkan kajian ini.

**Sekian, terima kasih.**

**G. Jaya Kumaran A/L Govindan**

© COPYRIGHT UPM

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa ada 27 Mei 2010 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi G. Jaya Kumaran a/l Govindan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Persepsi terhadap Gaya Kepimpinan Jurulatih yang Digemari dengan Gaya Kepimpinan Sebenar dalam Kalangan Pemain Bola Sepak Bawah 18 Tahun, Alor Gajah, Melaka" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia P.U.(A) 106 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

**Zaidatol Akmaliah binti Lope Pihie, PhD**
Profesor
Fakulti pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Mohd Sofian bin Omar Fauzee, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Aminuddin bin Yusof, PhD**
Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Salleh Aman, PhD**
Profesor Madya
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

______________________________

**ZULKARNIAN ZAINAL, PhD**
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Februari 2016

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat, Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Soh Kim Geok, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

**Bahaman Bin Abu Samah, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**BUJANG KIM HUAT, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswaah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini,
  untuk ijaah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012.
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : ___________________________ Tarikh: _______________

Nama dan No. Matrik: G. Jaya Kumaran A/L Govindan (GS 09372)

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penilisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswaah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ____________________________
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan:
Prof. Madya Dr. Soh Kim Geok, PhD

Tandatangan: ____________________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:
Prof. Madya Dr. Bahaman Bin Abu Samah, PhD

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI KANDUNGAN


| | Muka Surat |
|---|---|
| **ABSTRAK** | i |
| **ABSTRACT** | ii |
| **PENGHARGAAN** | iii |
| **PENGESAHAN** | iv |
| **PENGAKUAN** | vi |
| **SENARAI JADUAL** | x |
| **SENARAI RAJAH** | xii |

**BAB**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | **PENDAHULUAN** | | 1 |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Penyataan Masalah | 5 |
| | 1.3 | Definisi Istilah | 10 |
| | | 1.3.1 Gaya Kepimpinan | 10 |
| | | 1.3.2 Skala Kepimpinan Sukan | 10 |
| | | 1.3.3 Latihan dan Arahan | 10 |
| | | 1.3.4 Tingkah Laku Demokratik | 10 |
| | | 1.3.5 Tingkah Laku Autokratik | 11 |
| | | 1.3.6 Tingkah Laku Sokongan Sosial | 11 |
| | | 1.3.7 Maklum Balas Positif | 11 |
| | | 1.3.8 Persepsi Atlet | 11 |
| | | 1.3.9 Jurulatih | 12 |
| **II** | **SOROTAN LITERATUR** | | 13 |
| | 2.1 | Pengenala | 13 |
| | 2.2 | Definisi Kepimpinan | 13 |
| | 2.3 | Gaya Kepimpinan | 15 |
| | | 2.3.1 Pendekatan Sifat (*Trait Approach*) | 15 |
| | | 2.3.2 Pendekatan Tingkah Laku (*Behavioral Approach*) | 15 |
| | | 2.3.3 Pendekatan Kontigensi | 16 |
| | | 2.3.4 Pendekatan Matlamat Laluan ‘Path-Goal’ | 16 |
| | | 2.3.5 Pendekatan Kepimpinan Transformational | 17 |
| | | 2.3.6 Model Kepimpinan Multidimensi | 17 |
| | 2.4 | Kajian-Kajian Menggunakan Model Kepimpinan | 20 |
| | 2.5 | Rumusan Kajian-Kajian Berkaitan | 25 |


© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| **III** | **METODOLOGI KAJIAN** | **27** |
| | 3.1 Pengenalan | 27 |
| | 3.2 Reka Bentuk Kajian | 27 |
| | 3.3 Subjek Kajian | 28 |
| | 3.4 Instrumen Kajian | 29 |
| | 3.4.1 Latihan dan Arahan (Tingkah Laku Arahan) | 30 |
| | 3.4.2 Tingkah Laku Demokratik (Cara Mengambil Keputusan) | 30 |
| | 3.4.3 Tingkah Laku Autokratik Cara Mengambil Keputusan) | 31 |
| | 3.4.4 Tingkah Laku Sokongan Sosial (Kecenderongan Pada Motivasi) | 31 |
| | 3.4.5 Maklum Balas Positif (Kecenderungan Pada Motivasi) | 31 |
| | 3.5 Kajian Rintis | 31 |
| | 3.6 Prosedur Kajian | 32 |
| | 3.7 Pengumpulan Data | 33 |
| **IV** | **ANALISIS DATA** | 35 |
| | 4.1 Pengenalan | 35 |
| | 4.2 Soalan 1 : Apakah Gaya Kepimpinan Jurulatih Bolasepak Yang Digemar Menurut Persepsi Atlet | 36 |
| | 4.2.1 Dimensi Tingkah Laku Latihan dan Arahan | 36 |
| | 4.2.2 Dimensi Tingkah Laku Autokratik | 37 |
| | 4.2.3 Dimensi Tingkah Laku Demokratik | 38 |
| | 4.2.4 Dimensi Tingkah Laku Sokongan Sosial | 39 |
| | 4.2.5 Dimensi Tingkah Laku Maklum Balas Positif | 40 |
| | 4.2.6 Rumusan Dimensi Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Paling Digemari Menurut Persepsi Atlet | 40 |
| | 4.3 Soalan 2 : Apakah Gaya Kepimpinan Tingkah Laku Sebenar Jurulatih Bolasepak Menurut Persepsi Atlet | 42 |
| | 4.3.1 Dimensi Tingkah Laku Latihan Dan Arahan | 42 |
| | 4.3.2 Dimensi Tingkah Laku Demokratik | 43 |
| | 4.3.3 Dimensi Tingkah Laku Autokratik | 44 |
| | 4.3.4 Dimensi Tingkah Laku Sokongan Sosial | 45 |
| | 4.3.5 Dimensi Tingkah Laku Maklum Balas Positif | 46 |
| | 4.3.6 Rumusan Dimensi Tingkah Laku Sebenar Jurulatih Menurut Persepsi Atlet | 46 |
| | 4.4 Soalan 3 :Perbandingan Antara Tingkah Laku Jurulatih yang Digemari dan Tingkah Laku Sebenar Jurulatih menurut | 47 |
| | 4.5 Soalan 4 :Mengenalpasti Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Di Bahagian Pertahanan, Tengah Dan Serangan | 48 |



© COPYRIGHT UPM

4.6 Soalan 5 :Memperbandingkan Gaya Kepimpinan Sebenar Jurulatih Bola Sepak Menurut Persepsi Atlet Yang Bermain Di Bahagian Pertahanan, Tengah dan Serangan 49

**V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN** 50
5.1 Pendahuluan 50
5.2 Perbincangan 50
5.3 Kesimpulan Kajian 54
5.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan 55

**BIBLIOGRAFI** 57
**LAMPIRAN**
A Dimensi Tingkah Laku Pemimpin Dalam Sukan 69
B1 Soal Selidik - Tingkah Laku Jurulatih Yang Digemari 71
B2 Soal Selidik - Tingkah Laku Jurulatih Sebenar 75
**BIODATA PELAJAR** 79

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Latar Belakang Responden | 46 |
| 3.2 | Nilai Cronbach Alpha Tingkah Laku Jurulatih Yang Digemari | 52 |
| 3.3 | Nilai Cronbach Alpha Tingkah Laku Sebenar Jurulatih | 53 |
| 4.1 | Tingkah Laku Latihan Dan Arahan Yang Digemari Menurut Persepsi Atlet Dan Taburannya | 56 |
| 4.2 | Tingkah Laku Autokratik Yang Digemari Menurut Persepsi Atlet Dan Taburannya | 57 |
| 4.3 | Tingkah Laku Demokratik Yang Digemari Menurut Persepsi Atlet Dan Taburannya | 58 |
| 4.4 | Tingkah Laku Sokongan Sosial Yang Digemari Menurut Persepsi Atlet Dan Taburannya | 59 |
| 4.5 | Tingkah Laku Maklum Balas Positif Yang Digemari Menurut Persepsi Atlet Dan Taburannya | 60 |
| 4.6 | Rumusan Dimensi Gaya Kepimpinan Jurulatih Yang Paling Digemari Menurut Persepsi Atlet | 61 |
| 4.7 | Peratus Skor Item Mengikut Kategori Dimensi Tingkah Laku Latihan Dan Arahan Yang Sebenar Jurulatih Menurut Persepsi Atlet | 63 |
| 4.8 | Peratus Tahap Tingkah Laku Demokratik Yang Sebenar Jurulatih Menurut Persepsi Atlet | 64 |
| 4.9 | Peratus Skor Item Mengikut Kategori Bagi Dimensi Tingkah Autokratik Yang Sebenar Menurut Persepsi Atlet | 65 |
| 4. 10 | Peratus Tahap Tingkah Laku Sokongan Sosial Yang Sebenar Jurulatih Menurut Persepsi Atlet | 66 |
| 4.11 | Peratus Skor Item Mengikut Kategori Bagi Dimensi Tingkah Laku Maklum Balas Positif Yang Sebenar Menurut Persepsi Atlet | 67 |
| 4.12 | Rumusan Dimensi Tingkah Laku Sebenar Jurulatih Menurut Persepsi Atlet | 68 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| 4.13 | Perbandingan Antara Tingkah Laku Jurulatih Yang Digemari dan Sebenar Menurut Persepsi Atlet | 69 |
| 4.14 | Perbandingan Tingkah Laku Jurulatih Kegemaran Atlet Mengikut Posisi Pemain | 70 |
| 4.15 | Perbandingan Di antara Tingkah Laku Sebenar Jurulatih Mengikut Posisi Pemain | 71 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH


| Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1. | The Multidimensional Model of Leadership (MML) | 19 |
| 2. | Kerangka Konseptual Kajian | 28 |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pemimpin adalah individu yang berwibawa, berketerampilan, berdaya tahan dan berkarisma. Proses membentuk dan melahirkan pemimpin yang terbaik memerlukan masa yang panjang. Pada masa ini, pemimpin yang hebat tidak dilahirkan secara semula jadi, tetapi sebaliknya dibentuk melalui proses pembentukan daya kepimpinan yang berterusan sejak zaman persekolahan (Azizah,1991).

Pemimpin yang berkeliber memerlukan ciri-ciri positif bagi dirinya diiktiraf sebagai seorang pemimpin. Pemimpin yang baik bukan lahir dengan sendirinya tetapi diperoleh melalui latihan berterusan, pengalaman mahupun ilmu. Memimpin sesebuah organisasi bukanlah satu tugas yang mudah. Sungguhpun begitu, bersama-sama gabungan ilmu, pengetahuan, personaliti dan visi, kepimpinan bukanlah satu misi yang mustahil bagi setiap orang yang mahu menjadi seorang pemimpin yang berjaya. Seseorang pemimpin berkesan sentiasa melihat kejayaan organisasinya sebagai satu usaha yang berterusan antara dirinya dengan semua anggota dalam organisasi itu.

Seorang pemimpin yang bijak akan menggunakan kuasa dan tanggungjawab yang ada pada dirinya untuk menerajui kelompok kerjanya dengan baik. Iaitu dengan menjadikan kelompok kerja dibawah pimpinannya sebagai penggerak untuk merealisasikan matlamat dan impian setiap ahli di dalam kelompok kerja. Menurut Aminuddin Mohd Yusof (1990), tugas utama pemimpin ialah untuk menyelaraskan pelbagai fungsi tugas atau aktiviti kelompok supaya kerja berjalan dengan lancar tanpa gangguan dan supaya para pekerja dapat bekerja dengan harmoni tanpa gangguan orang lain. Manakala kerja seseorang pemimpin pula, lebih memfokuskan kepada aktiviti mengarah, menyalur, memandu, menjadi tempat rujukan, menjaga masa dan menyelaras kerja anggota-anggotanya.

Kepimpinan yang berkesan dapat memberi kepuasan kepada pengikut dan keadaan ini akan menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Pekerja akan bekerja secara bersungguh-sungguh sehingga objektif organisasi tercapai. Tekanan dan hukuman hanya dapat meningkatkan produktiviti dalam jangka masa yang pendek, tetapi sebaliknya dalam jangka masa panjang pekerja akan menunjukkan reaksi negatif dan rasa tidak puas hati serta bersikap menentang. Mengadakan perbincangan dan membuka peluang kepada orang bawahan untuk mengemukakan idea-idea baru terhadap sesuatu perancangan



© COPYRIGHT UPM

yang dibuat merupakan langkah yang baik bagi pemimpin untuk meningkatkan kepuasan kerja. Dengan itu, pengikut atau orang bawahan akan lebih terdorong untuk bekerja kuat dan berdedikasi.

Kepimpinan ialah tingkah laku yang mempunyai keupayaan mengubah haluan sesuatu organisasi. Pemimpin perlu memilih kriteria-kriteria tertentu dalam usaha mencapai objektif organisasi. Mereka boleh memantau orang bawahan agar mengikut kriteria yang dipilih untuk tujuan pembangunan dan kejayaan di samping dapat mempertahankan corak kerja berpasukan yang erat (Cartwright dan Zender 1960). Kepimpinan didefinisikan sebagai proses pembelajaran yang bertimbal balik iaitu membenarkan ahli komuniti untuk membina hasrat kearah matlamat yang di kongsi bersama atau dinamakan konstruktivis. Kepimpinan dalam kontek ini bermaksud pembelajaran dikalangan orang dewasa yang berkongsi bersama visi dan matlamat dalam komuniti itu dan sebagai pembimbing daya tenaga kakitangan kearah penyempurnaan matlamat organisasi (Zaidatul Akmaliah, 1999).

Menurut Butler (1996), aspek psikologi merupakan salah satu faktor utama selain faktor fizikal, teknikal dan strategi yang diperlukan oleh atlet untuk mencapai kejayaan dalam sukan. Atlet yang menjadi harapan ini tidak mungkin dapat mencapai sasaran yang disasarkan kepada mereka tanpa kita mengkaji aspek psikologi yang mempengaruhi prestasi seperti motif menyertai sukan, orientasi matlamat dalam penyertaan tersebut serta gaya kepimpinan jurulatih yang mereka inginkan untuk membantu mencapai matlamat atlet bertaraf dunia.

Kecemerlangan seseorang atlet di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat dunia dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor intrinsik atlet, sokongan moral dari keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik dan gaya kepimpinan jurulatih (Shaharudin Abdul Aziz, 2005). Selain itu, faktor ekstrinsik seperti faktor kepuasan terhadap kepimpinan jurulatih yang mempunyai pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan turut mempengaruhi kecemerlangan atlet. Perancangan, teknik latihan dan pengaturan strategi permainan adalah perlu bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dalam aktiviti sukan.

Rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan seseorang jurulatih telah menyebabkan para atlet secara sengaja menimbulkan pelbagai masalah seperti tidak mempunyai kesungguhan ketika menjalani latihan serta tidak menunjukkan prestasi yang sebenar di dalam sesuatu pertandingan (Chelladurai & Reimer, 1988). Peristiwa penyingkiran seorang jurulatih asing pasukan bola sepak Negeri Sembilan, Josef Harel pada tahun 1993, dikatakan berpunca daripada gaya kepimpinannya yang tidak digemari oleh para atlet serta pegawai-pegawai Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan. Gaya kepimpinan yang tidak digemari itu telah menyumbang kepada kemerosotan



© COPYRIGHT UPM

dalam prestasi para atlet Negeri Sembilan sehingga tercicir daripada perebutan Piala Malaysia (The Star, 1993).

Keadaan yang sama juga berlaku dalam English Profesional League di sekitar tahun 2004 – 2005. Lebih setengah daripada 92 orang jurulatih yang bertugas dalam liga ini telah ditamatkan perkhidmatan mereka pada akhir musim tersebut disebabkan kemerosotan prestasi pemain. Secara purata, tempoh memegang jawatan jurulatih tersebut hanyalah selama dua tahun sahaja (Crust, 2006). Justeru itu, penyelidik berpendapat, pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih seperti perancangan, teknik latihan dan pengaturan strategi permainan yang digemari oleh atlet memainkan peranan yang sangat penting dalam meneruskan pembangunan dan kejayaan sesuatu pasukan bola sepak.

Jurulatih sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sesuatu sukan. Mereka berperanan melatih atlet dan pasukan yang akan menyertai sesuatu pertandingan. Mereka juga perlu memastikan atlet dan pasukannya dapat menunjukkan prestasi yang terbaik dan seterusnya mencapai kejayaan yang cemerlang dalam sesuatu pertandingan (Martens, 1987; Bompa, 1993). Pengetahuan mengenai gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan seperti perancangan, teknik latihan dan pengaturan strategi permainan adalah perlu bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dalam sesuatu aktiviti sukan (Dzulhimi & Mohd Sofian, 2002).

Tanggungjawab seseorang jurulatih adalah untuk membantu atlet mencapai prestasi yang terbaik dalam pertandingan. Oleh yang demikian, tugas seorang jurulatih adalah meliputi tugas melatih kemahiran asas, perancangan serta perlaksanaan program latihan jangka panjang dan jangka pendek, persiapan sebelum pertandingan, memberi nasihat teknikal dan taktikal sepanjang pertandingan bagi meningkatkan prestasi mereka. Jurulatih yang baik bukan hanya setakat melatih, tetapi sebaliknya juga menjadi tempat mengadu sama ada suka atau duka. Jurulatih yang mendapat kepercayaan atlet dan memiliki sifat-sifat kejurulatihan yang berkualiti akan setiasa disanjung oleh atlet (Martens, 1987; Bompa, 1993).

Kebanyakan penyelidikan dalam bidang sukan menggunakan istilah jurulatih dan pemimpin secara bersilih ganti (Weinberg & Gould, 2007; Zhang, Jensen, & Mann, 1997). Berdasarkan perbincangan Hesselbein, Goldsmith, & Beckhard (1996), pemimpin dalam bidang sukan adalah merujuk kepada jurulatih. Jurulatih berperanan membentuk sebuah pasukan yang mantap serta mengekalkan prestasi pasukannya (Fouss, D.E. & Troppmann, R.J. 1981). Mereka juga mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan pemilihan atlet, menentukan setiap posisi atlet, merancang program serta menentukan cara untuk mencapai matlamat pasukan mereka. Manakala, peranan jurulatih kerap ditafsirkan sebagai penunjuk ajar, pemudah cara, pakar bidang, dan



© COPYRIGHT UPM

pakar meningkatkan prestasi pelatih yang mampu untuk mengenalpasti dan membentuk objektif pembelajaran, bersedia untuk mengajar, menyampaikan pengajaran, dan menilai proses pengajaran yang telah dilaksanakan, di samping menjalankan tugas-tugas pentadbiran (Balkisnah & Norhasni, 2009; Maimunah, 2014; Mohd. Nasir, 2008).

Memandangkan masalah ini, maka suatu penyelidikan ke atas gaya kepimpinan jurulatih dalam sukan bola sepak peringkat asas iaitu di peringkat sekolah perlu dijalankan. Seperti yang diketahui, sekolah merupakan peringkat asas di mana pelajar-pelajar mula melibatkan diri dalam permainan bola sepak. Oleh yang demikian untuk melahirkan bakat baru dalam sukan, sekolah merupakan tempat terbaik bagi menghasilkan atlet-atlet yang cemerlang. Justeru itu, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah kembali ke akar umbi untuk mencungkil bakat menerusi Projek Tunas Bola Sepak peringkat Negara (FAM Kumpul, 2000). Melalui projek ini, jurulatih dapat mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan demi untuk memastikan sukan bola sepak terus berkembang maju seiring dengan sukan berpasukan lain.

Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Sukan Malaysia (SUKMA) adalah merupakan sukan yang berprestij, yang dapat mencungkil bakat atlet-atlet remaja dari sekolah di peringkat daerah dan negeri. Seseorang jurulatih perlu mempunyai gaya kepimpinan yang digemari oleh atlet bagi memastikan penglibatan atlet yang berterusan dan bersungguh-sungguh serta mudah dibimbing (Gibbons, McConnell, Forster, Riewald, & Peterson (2003); Frontiera (2006) dan Serpa, 2 Pataco, & Santos; 1991) hingga ke sekolah sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia bagi melahirkan atlet bola sepak negara yang berkaliber pada masa hadapan.

Kecemerlangan dalam bidang sukan sering dihubungkaitkan dengan profesion kejurulatihan. Aspek yang sering dibincangkan ialah gaya kepimpinan jurulatih (Sullivan & Kent 2003; Murray & Mann, 2006). Keberkesanan jurulatih kerap kali menjadi topik hangat apabila kejayaan atau kegagalan atlet dibincangkan dalam media cetak atau elektronik. Serpa, Pataco dan Santos (1991), menyatakan bahawa pasukan yang berjaya biasanya mempunyai pemimpin yang dapat memotivasikan penglibatan atlet dalam sukan yang diceburi. Jurulatih merupakan pemimpin yang memainkan peranan utama dalam membentuk sebuah pasukan yang mantap.

Menurut Chelladurai (1990), pemimpin yang dapat berinteraksi dalam pelbagai situasi adalah pemimpin yang dapat memahami kehendak ahlinya dalam proses pencapaian matlamat. Chelladurai (1980) telah mengkategorikan gaya kepimpinan jurulatih kepada lima kategori iaitu Latihan dan Arahan, Autokratik, Demokratik, Maklum Balas Positif serta Sokongan Sosial. Merujuk kepada Model Multidimensi Sukan Chelladurai (1980), kejayaan sesebuah pasukan



© COPYRIGHT UPM

adalah disebabkan keserasian antara tingkah laku jurulatih yang diperlukan, tingkah laku sebenar dan tingkah laku yang digemari oleh atlet.

Menurut Zaidatol Akmaliah (1991), keberkesanan kepemimpinan sering dikaitkan dengan gaya kepemimpinan untuk mempengaruhi pengikut ke arah pencapaian matlamat. Yukl (2012) menyatakan pada kebiasaannya pengikut-pengikut yang menentukan keberkesanan pemimpin mereka bagi mencapai kecemerlangan organisasi. Justeru, kepimpinan merupakan suatu proses mempengaruhi orang bawahan dan merupakan proses yang berterusan. Setiap keadaan memerlukan corak atau gelagat kepimpinan yang sesuai untuk sesuatu keadaan. Oleh itu, kepimpinan ialah fungsi yang bersifat khusus. Pemimpin seharusnya berkeupayaan untuk memujuk agar orang bawahan terdorong untuk bekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi.

Kepimpinan yang berkesan dapat memberi kepakaran kepada pengikut dan keadaan ini akan menghasilkan prestasi kerja yang cemerlang. Pekerja akan bekerja bersungguh-sungguh sehingga objektif organisasi tercapai. Tekanan dan hukuman hanya dapat meningkatkan produktiviti dalam jangka masa yang pendek, tetapi dalam jangka masa panjang pekerja akan menimbulkan reaksi negatif dan melahirkan rasa tidak puas hati serta bersikap menentang. Mengadakan perbincangan dan membuka peluang kepada subordinate untuk mengemukakan idea-idea baru kepada sesuatu perancangan yang dibuat merupakan langkah yang baik bagi pemimpin untuk meningkatkan kepuasan kerja. Justeru, pengikut atau orang bawahan akan lebih terdorong untuk bekerja kuat dan berdedikasi.

Sehubungan itu, tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih bola sepak yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak sekolah berdasarkan persepsi atlet sekolah-sekolah menengah daerah Alor Gajah, Melaka. Keadaan ini akan mewujudkan suasana latihan yang harmoni dan efektif. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan gaya kepimpinan jurulatih bola sepak yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar jurulatih yang bermain di bahagian pertahanan, pertengahan dan serangan menurut persepsi atlet.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini sangat penting untuk dijalankan kerana kemerosotan kualiti permainan bola sepak di Malaysia sangat ketara di sekitar tahun 1980an sehinggalah tahun 2014. Kebanyakan kajian dalam bidang kejurulatihan menyatakan bahawa jurulatih sangat mempengaruhi pencapaian prestasi, tingkah laku psikologi dan emosi atlet (Horn, 2002). Perubahan tingkah laku atlet adalah dianggap sebagai kesan secara langsung hasil kepimpinan jurulatih. Justeru, kepimpinan jurulatih memainkan peranan yang sangat



© COPYRIGHT UPM

penting dalam menentukan kejayaan sesuatu pasukan. Menurut J.C.Barrow (1997), kepimpinan jurulatih yang berjaya dan digemari mampu mempengaruhi seseorang individu atau kumpulan ke arah sesuatu matlamat. Gaya kepimpinan seseorang jurulatih sering dijadikan isu sekiranya prestasi atlet atau pasukan pimpinannya mengalami kemerosotan(Cakioglu (2003) dan Ziad Al Tahayneh (2003).

Antara faktor yang paling ketara, yang menyebabkan atlet tidak berpuas hati ialah jurulatih tidak mempunyai gaya kepimpinan yang tertentu semasa mengendalikan program latihan. Dalam hal ini, memang diakui bahawa prestasi atlet bola sepak dipengaruhi oleh kombinasi beberapa faktor (William & Reilly, 2000). Antara faktor yang sering diperkatakan oleh penyelidik ialah tingkah laku psikologi dan emosi atlet yang berkait rapat dengan jenis gaya kepimpinan sebenar jurulatih. Persoalan yang timbul disini ialah apakah jenis gaya kepimpnan yang digemari oleh atlet. Justeru, gaya kepimpinan sebenar jurulatih adalah dimensi yang harus diambil berat kerana ia sering berkait rapat dengan kecemerlangan seseorang atlet atau pasukan.

Bagi kajian yang dijalankan oleh Shaharudin (2004) pada atlet SUKMA di Perak pula mendapati gaya kepimpinan yang paling digemari oleh atlet adalah maklum balas positif (M=4.3, SD=.70), manakala gaya kepimpainan yang paling kurang digemari adalah autokratik (M=2.5, SD=.55). Pendekatan secara maklum balas positif adalah sesuai untuk atlet muda kerana mereka kurang pengalaman dan memerlukan maklum balas serta tunjuk ajar yang sewajarnya dari jurulatih mereka. Jika wujudnya keselarasan antara kehendak atlet (gaya kepimpinan dan perwatakan jurulatih) dengan kehendak dan perlakuan jurulatih, maka kepuasan serta prestasi atlet meningkat. Jika sebaliknya berlaku, prestasi serta tahap kepuasan atlet akan menurun (Chelladurai, 1990).

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Ramzaninezhad dan Keshtan (2009) terhadap 264 orang atlet bola sepak dari 12 buah pasukan di Liga Kelab Bola Sepak Profesional Iran (2006-2007) menggunakan LSS pada akhir musim pertandingan mendapati gaya kepimpinan sebenar jurulatih yang paling digemari oleh atlet menunjukkan dimensi gaya kepimpinan latihan dan arahan berada pada tahap yang tinggi manakala dimensi gaya kepimpinan autokratik berada pada tahap rendah. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai persepsi atlet terhadap gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar jurulatih terhadap prestasi pasukan-pasukan bola sepak yang mengambil bahagian dalam pertandingan Liga Bolasepak MSSM Daerah Alor Gajah, Melaka 2014.

Di sekolah khususnya dalam bidang sukan dan permainan jurulatih/guru bertindak sebagai pemimpin pasukan dengan memberi kemahiran dan keyakinan kepada atlet di bawah bimbingannya agar dapat bersaing semasa menyertai pertandingan. Peranan guru sebagai jurulatih di sekolah dan



© COPYRIGHT UPM

sebagai pemimpin dan pendidik adalah sangat dihormati kerana ketekunan dan kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas setelah mendapat latihan khusus dalam bidang yang diceburi (Mazlan, 1990). Ini bermakna gaya kepimpinan sebenar jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk (Patterson, Carron & Loughead, 2005). Memandangkan kumpulan yang dipilih merupakan pasukan pelapis pada peringkat kebangsaan, kajian ini dapat menjadi satu informasi yang penting berkenaan gaya kepimpinan yang digemari dan gaya kepimpinan sebenar jurulatih menurut persepsi atlet di peringkat sekolah.

## 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenalpasti gaya kepimpinan jurulatih bolasepak yang digemari menurut persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak MSSM daerah Alor Gajah 2014.
2. mengenalpasti gaya kepimpinan sebenar jurulatih bolasepak berdasarkan persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak MSSM daerah Alor Gajah 2014.
3. membandinganakan gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dengan gaya kepimpinan sebenar jurulatih menurut persepsi atlet yang terlibat dalam liga Bola Sepak MSSM daerah Alor Gajah 2014.
4. membandingkan gaya kepimpinan jurulatih bolasepak yang digemari oleh atlet posisi pertahanan, tengah dan serangan berdasarkan persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak MSSM daerah Alor Gajah 2014.
5. membandingkan gaya kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak yang digemari oleh atlet posisi pertahanan, tengah dan serangan berdasarkan persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak MSSM daerah Alor Gajah 2014.

## 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan penyataan masalah kajian, pengkaji mengemukakan beberapa persoalan kajian iaitu:

1. apakah gaya kepimpinan jurulatih bola sepak yang digemari menurut persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak Daerah Alor Gajah, Melaka pada tahun 2014?
2. apakah gaya kepimpinan sebenar jurulatih bola sepak mengikut persepsi atlet yang terlibat dalam Liga Bola Sepak MSSM Daerah Alor Gajah, Melaka pada tahun 2014?



© COPYRIGHT UPM

3. adakah terdapat perbezaan dari segi gaya kepimpinan jurulatih yang digemari dengan gaya kepimpinan jurulatih sebenar menurut persepsi atlet?
4. adakah terdapat perbezaan dari segi gaya kepimpinan jurulatih yang digemari oleh atlet yang bermain di bahagian pertahanan, tengah dan serangan?
5. adakah terdapat perbezaan dari segi gaya kepimpinan jurulatih yang sebenar menurut persepsi atlet yang bermain di bahagian pertahanan, tengah dan serangan?

## 1.5 Kepentingan Kajian

